

17/11/2016 - Konvensyen Integriti Nasional 2016 (KIN 2016) - “Ke Arah Perkhidmatan Awam Yang Berprestasi Dan Berintegriti Tinggi”

1. Terlebih dahulu, saya bagi pihak INTEGRITI mengambil kesempatan ini mengalukan kehadiran hadirin sekalian ke Konvensyen Integriti Nasional 2016, yang diadakan khusus sempena Sambutan Bulan Integriti.

Hadirin yang dihormati sekalian,

2. Sejak kebelakangan ini, masyarakat telah dimaklumkan melalui media massa mengenai siasatan yang dijalankan oleh SPRM ke atas beberapa orang pegawai agensi kerajaan dan Syarikat Berkaitan Kerajaan. Berita-berita seperti ini telah mencemarkan imej perkhidmatan awam dan sedikit sebanyak, menimbulkan **kekhawatiran dikalangan rakyat terhadap keupayaan penjawat awam menjalankan tugas dengan integriti**. Rakyat bimbang bahawa gejala ini menular dikalangan penjawat awam. Mereka bimbang sekiranya sistem, prosedur dan tatacara perolehan kewangan yang telah ditetapkan dan dirangka bagi memastikan kelicinan penyampaian perkhidmatan awam, tidak lagi dipatuhi oleh penjawat awam.

3. Terdapat peribahasa Melayu “Nila setitik, rosak susu sebelanga”. Dalam konteks yang berlaku sekarang, saya ingin menegaskan bahawa, **saya tidak percaya bahawa majoriti penjawat awam, termasuk kita disini pada hari ini, menyokong tindakan penyelewengan** mereka yang disiasat dan didapati bersalah oleh agensi penguatkuasa yang berkenaan.

4. Malah, **saya yakin majoriti penjawat awam menjalankan tugas dengan amanah, jujur dan berintegriti**. Hanya disebabkan **tindakan segelintir penjawat awam yang bertindak di luar batasan undang-undang, ia tidak membawa maksud seluruh penjawat awam berkelakuan sedemikian**.

5. Dalam merencanakan arus pembangunan negara, penjawat awam merupakan **agen penghubung di antara rakyat dan Kerajaan**. Harapan dan ekspektasi yang diletakkan oleh masyarakat dan Kerajaan terhadap perkhidmatan awam adalah tinggi. Sesungguhnya peranan

Penjawat Awam amatlah kritikal dalam menentukan kejayaan pelaksanaan strategi dan inisiatif dalam **Rancangan Malaysia Ke-11**, dimana salah satu Teras Strategik ialah **Transformasi Perkhidmatan Awam Bagi Peningkatan Produktiviti**.

6. Saya berpandangan ada **3 perkara utama** yang perlu ditangani dalam **mewujudkan perkhidmatan awam berprestasi tinggi yang berintegriti**. Ini terdiri daripada **pengurangan karenah birokrasi, peningkatan kecekapan pelaksanaan projek-projek kerajaan dan mengekalkan penjawat awam berprestasi tinggi dalam sektor perkhidmatan awam**.

7. Kalau kita **sekadar mengungkap, ia tidak akan membawa apa-apa makna**. Kita hanya akan dilabelkan sebagai **'paying lip service'**. Untuk mengukuhkan keyakinan rakyat terhadap perkhidmatan awam, para **penjawat awam** perlu **membuktikan dengan tindakan**. **'Action speaks louder than words'!**

8. Dalam aspek **mengurangkan birokrasi dan kos perniagaan, Jawatankuasa PEMUDAH** yang dipengerusikan bersama oleh Ketua Setiausaha Negara dan Presiden Federation of Malaysian Manufacturers (FMM), sedang giat **mengkaji semula proses-proses permohonan dan kelulusan oleh sektor awam** yang melibatkan pihak swasta. Hanya apabila **proses-proses sedia dipermudahkan, tempoh masa kelulusan dikurangkan** dan adanya **ketelusan tatacara pentadbiran**, barulah kita mampu mengurangkan gejala rasuah dan sebagainya.

9. Dalam meningkatkan kecekapan pelaksanaan projek-projek kerajaan, saya telah membincang dan mendapat **persetujuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bahawa projek-projek yang bernilai RM500 juta ke atas perlu mempunyai pegawai SPRM dan Jabatan Audit Negara** untuk turut terlibat dalam penilaian projek yang berkenaan. Ini bagi memastikan supaya **kos projek berpatutan, projek-projek tidak lewat dilaksanakan atau terbengkalai**.

Hadirin sekalian,

10. Dalam mengukuhkan lagi langkah-langkah sedia ada, **Kerajaan telah bersetuju supaya Jabatan Audit Negara melihat semula pelan audit setiap kementerian dan agensi**

kerajaan termasuk **skop pengauditan, kekerapan audit dan pembentangan laporan audit** kepada pengurusan tertinggi.

11. Penubuhan **Unit Integriti** adalah merupakan langkah proaktif kerajaan untuk menangani isu integriti dalam kalangan penjawat awam. Di kesempatan ini, saya ingin menyarankan agar semua **Ketua Unit Integriti merujuk kepada Pelan Integriti Nasional (PIN)** dalam merancang dan melaksanakan program-program yang berkaitan dengan integriti.

12. Saya juga mencadangkan supaya **fungsi dan peranan Unit Integriti di setiap kementerian dan agensi perlu dilihat semula** daripada segi keberkesanan mencegah ketirisan dan penyelewengan daripada berlaku.

Hadirin yang dihormati sekalian,

13. Saya percaya '**prevention is better than cure**'. Justeru itu, saya ingin menyarankan saudara-saudari supaya sentiasa berpandukan kepada prosedur dan tatacara kewangan yang telah ditetapkan ketika menjalankan tugas. Sekiranya saudara-saudari **melihat terdapat kelemahan yang perlu diperbaiki, cadangkan kepada pihak pengurusan tertinggi. Sekiranya pihak pengurusan tertinggi bersikap acuh tidak acuh** walaupun terdapat justifikasi kukuh untuk penambahbaikan, **saudara-saudari boleh menyalurkan maklumat kepada saya**. Kita seharusnya menjadikan integriti sebahagian budaya kerja dalam organisasi.

14. Untuk **mengekalkan penjawat awam berprestasi tinggi** dalam sektor awam, pelaksanaan **Dasar Pemisah atau Exit Policy** merupakan salah satu inisiatif yang diperkenalkan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11). Ianya merupakan satu mekanisme strategik kerajaan dalam mewujudkan **perkhidmatan awam yang berprestasi tinggi, produktif dan berintegriti**. Dasar Pemisah ini menyediakan mekanisme efektif untuk **menamatkan perkhidmatan pegawai berprestasi rendah, mempunyai masalah integriti** serta mereka yang **gagal mempamerkan kemajuan kerjaya**.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

15. Kita semua sedia maklum bahawa **Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau NBOS** yang telah diilhamkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, merupakan salah satu pendekatan Kerajaan untuk merangka dasar dan inisiatif melalui perkongsian sumber antara Kementerian dan agensi. Ia mampu menghasilkan program-program **berkos rendah, berimpak tinggi dan pantas dilaksanakan** dalam memberi keselesaan dan kesejahteraan kepada rakyat.

16. Melalui pendekatan NBOS, saya yakin dan berharap, ianya dapat meningkatkan integriti perkhidmatan awam secara terancang dengan melibatkan kerjasama strategik dan pintar antara kementerian, jabatan dan agensi.

Hadirin yang dihormati sekalian,

17. Saya selaku Pengerusi INTEGRITI dan Razak School of Government, ingin mengucapkan **syabas kepada warga INTEGRITI dan Razak School of Government** atas kerjasama pintar dalam penganjuran konvensyen ini. Kepada **warga INTEGRITI, saya ingin mengucapkan syabas** kerana telah menganjur dan mengadakan pelbagai program dan aktiviti yang berkaitan integriti di seluruh negara dan juga melibatkan penyertaan delegasi antarabangsa.

18. INTEGRITI kini telah membangunkan beberapa mekanisme untuk membantu agensi kerajaan dalam merangka, melaksana dan memantau pelan integriti masing-masing. **Integrity Assessment Tool (IAT)** contohnya, adalah merupakan satu mekanisme untuk mengenal pasti jurang dan halangan yang dihadapi oleh organisasi (samaada kerajaan atau swasta) bagi mencapai standard etika yang tinggi. **Malaysian Integrity Profile (MIP)** pula merupakan satu **kaedah penilaian psikometrik** untuk menilai profail pemohon atau pekerja sektor awam. **Dashboard Pemantauan** digunakan untuk memantau, mengukur dan menilai kemajuan inisiatif integriti yang dilaksanakan oleh agensi-agensi yang berkaitan di seluruh negara.

19. Oleh itu, saya berharap agar semua pihak dapat memanfaatkan mekanisma yang dibangunkan oleh INTEGRITI untuk mengenal pasti dan menyelesaikan masalah integriti dalam organisasi masing-masing.

Hadirin yang dihormati sekalian,

20. Saya juga menyeru kepada semua **agensi penguatkuasaan** yang ada di negara ini untuk sentiasa **berusaha memperbaiki tahap penyampaian perkhidmatan** serta berpegang teguh kepada prinsip integriti. Ini amat penting untuk menjaga dan meningkatkan imej agensi penguatkuasaan itu sendiri serta kekal relevan serta dipercayai oleh masyarakat.

21. Dalam hal ini, saya ingin merakamkan penghargaan kepada INTEGRITI kerana telah berjaya menghasilkan "**Modul Integriti Agensi Penguatkuasaan**" yang akan dilancarkan selepas ini.

Hadirin sekalian,

22. Akhir kata, saya berharap agar semua penjawat awam akan terus menjunjung tinggi amanah yang diberikan. Saya juga menyeru semua agensi perkhidmatan awam agar terus komited dalam memberikan sokongan dan bantuan kepada mana-mana pihak bagi menjayakan agenda integriti negara.

23. Kepada INTEGRITI dan Razak School of Government saya ucapkan syabas dan tahniah atas penganjuran Konvensyen ini. Saya berharap kedua-dua institusi ini akan berganding bahu lagi pada masa-masa akan datang untuk membantu Kerajaan mencari penyelesaian kepada masalah-masalah yang berkait dengan urus tadbir dan integriti.

Sekian, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Konvensyen Integriti Nasional 2016.

©2016 Copyright Reserved SMPKE, Prime Minister's Office

Source: <http://ksn.jpm.gov.my/home.php?frontpage/speech/detail/2096>